

Permainan tradisional merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan untuk tatapan generasi akan datang. Huraikan kepentingan permainan tradisional kepada remaja.

ARAHAN: SILA LENGKAPKAN JENIS AYAT DI BAWAH DENGAN MEMILIH DAN MENYUSUNMAKLUMAT YANG DIBERIKAN.

PERENGKAN PENDAHULUAN (4 Ayat)

Ayat Tema

Ayat Rangsangan

Ayat Contoh

Ayat Arahan

antara contoh permainan tradisional yang masih dimainkan kini ialah permainan gasing, wau dan congkak.

namun, peredaran zaman yang kian berubah telah menyaksikan bahawa permainan tradisional ini makin dipinggirkan oleh generasi muda kini.

permainan tradisional merupakan permainan yang dimainkan oleh generasi pada zaman nenek moyang kita sejak dahulu lagi.

oleh itu, kepentingan permainan tradisional ini perlu diuar-uarkan kepada remaja di Malaysia agar permainan ini tetap kekal sampai bila-bila.

PERENGKAN ISI 1 –

Ayat Topik

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Kesimpulan

remaja dapat mempelajari ilmu permainan tradisional dan mengetahui kepentingan nilai kesabaran dalam diri

dapat mengisi masa lapang remaja secara berfaedah

remaja masa ini gemar melepak di pusat beli- belah dan membuang masa mereka dengan sia-sia

dapat mengelakkan situasi tersebut daripada berlaku dan remaja akan belajar untuk menghargai masa.

PERENGKAN ISI 2 –

Ayat Topik

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Kesimpulan

semasa bermain, remaja dapat memahami kelebihan dan kelemahan kawan serta lawan mereka

permainan tradisional dapat memupuk semangat kerjasama dan persefahaman

permainan wau misalnya, dapat membentuk semangat kerjasama antara satu sama lain untuk menaikkan wau tersebut

oleh hal yang demikian, seni warisan bangsa ini tidak akan pupus ditelan zaman kerana tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas

PERENGKAN ISI 3 –

Ayat Topik

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Kesimpulan

sebagai contohnya, remaja boleh bermain sepak raga bersama-sama rakan dan dapat berkenalan dengan kawan-kawan baharu

dengan cara ini, remaja dapat menjalin hubungan persahabatan yang lebih luas

menjadi ejen penting untuk mengeratkan silaturahim antara satu sama lain

hubungan kekeluargaan dan persahabatan dapat dieratkan sewaktu bermain permainan tradisional

PERENGKAN ISI 4 –

Ayat Topik

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Kesimpulan

permainan congkak yang memerlukan dua orang untuk memainkannya dan begitu juga permainan sepak raga yang perlu dimainkan secara berkumpulan

dapat menghiburkan seseorang kerana permainan ini menyeronokkan dan dimainkan secara berkumpulan

mengurangkan stress seseorang malahan dapat menyihatkan tubuh badan seseorang

merupakan hiburan menarik yang tidak memerlukan peralatan yang mahal atau kawasan yang luas untuk bermain permainan ini

PERENGKAN KESIMPULAN/PENUTUP

Ayat Rumusan

Ayat Pendapat

Ayat Cadangan.

Ayat Harapan

terdapat banyak faedah permainan tradisional kepada remaja

Permainan tradisional perlu dihidupkan semula sebelum terkubur

Semua pihak perlu bekerjasama agar generasi muda zaman ini menjadikan permainan tradisional sebagai aktiviti yang membanggakan bangsa.

Permainan tradisional masih relevan dalam zaman globalisasi ini walaupun permainan moden bagai cendawan tumbuh selepas hujan.